



CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

No Syarikat : 524271-W | Diperbadankan di Malaysia

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke Duabelas akan diadakan di **Premiere Hotel, Bandar Bukit Tinggi, 1/KS6, Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan** pada hari Khamis, 13 Jun 2013 jam 10.30 pagi bagi urusan-urusan berikut:-

AGENDA

SEBAGAI URUSAN BIASA

- 1) Untuk menerima pakai Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 beserta dengan Laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan mengenainya. **Resolusi Biasa 1**
- 2) Untuk meluluskan Dividen Akhir sebanyak 10.5 sen sesaham biasa, dividen dikecualikan cukai di bawah sistem cukai satu-peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. **Resolusi Biasa 2**
- 3) Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut Artikel 93, Tata Urusan Persatuan Syarikat:-
(a) Datuk Alias bin Ali **Resolusi Biasa 3**
(b) Haji Ghazali bin Awang **Resolusi Biasa 4**
- 4) Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. **Resolusi Biasa 5**
- 5) Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat serta memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi Biasa 6**
- 6) Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis mengenainya telah diterima.

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, untuk meluluskan resolusi-resolusi berikut:-

- 7) **Cadangan Pembaharuan Mandat para Pemegang Saham dan Cadangan Mandat Baru para Pemegang Saham untuk Urusniaga dengan Pihak Berkaitan yang Berulang yang Bersifat Pendapatan atau Perdagangan ("Cadangan Mandat para Pemegang Saham")** **Resolusi Biasa 7**

"Bahawa tertakluk kepada Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities), Syarikat dan/atau subsidiarinya adalah dengan ini diberikan mandat untuk memasuki urusniaga berulang dengan pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan dengan pihak yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 2.2.1 dan 2.2.5 Pekeliling para Pemegang Saham bertarikh 17 Mei 2013 yang perlu bagi menjalankan operasi harian Syarikat dan/atau subsidiarinya tertakluk kepada yang berikut:-

- (i) urusniaga tersebut adalah urusniaga biasa dan mengikut terma-terma yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding dengan terma yang ditawarkan kepada umum, dan urusniaga tersebut dijalankan berasaskan sepercapaian dan tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti;
- (ii) kelulusan tersebut tertakluk kepada pembaharuan tahunan dan akan terus berkuatkuasa sehingga:-
 - (a) tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat (Mesyuarat Agung) yang berikutnya setelah Mesyuarat Agung yang akan datang pada mana Cadangan Mandat para Pemegang Saham tersebut diluluskan, bila mana ia akan luput, melainkan diperbaharui semula oleh satu resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung seterusnya;
 - (b) tamat tempoh jangka masa Mesyuarat Agung seterusnya setelah Mesyuarat Agung yang akan datang harus diadakan menurut Seksyen 143[1] Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak dilanjutkan kepada lanjutan yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat, 1965); atau
 - (c) dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Syarikat,

yang mana lebih terdahulu, dan

- (iii) pendedahan dibuat dalam laporan tahunan bagi nilai agregat urusniaga yang dijalankan menurut Cadangan Mandat para Pemegang Saham dalam tahun kewangan tersebut.

Dan bahawa para Pengarah dan/atau salah seorang daripada mereka dengan ini diberikan kuasa untuk melengkapkan dan melaksanakan apa-apa jua tindakan dan perkara (termasuk menyempurnakan dokumen yang diperlukan) untuk melaksanakan urusniaga yang dipertimbangkan dan/atau dibenarkan oleh Resolusi Biasa ini."

NOTIS KELAYAKAN DIVIDEN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa tertakluk kepada kelulusan daripada para Pemegang Saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan, Dividen Akhir sebanyak 10.5 sen sesaham biasa, dividen dikecualikan cukai di bawah sistem cukai satu-peringkat bagi tahun kewangan Syarikat berakhir 31 Disember 2012 akan dibayar pada 12 Julai 2013 kepada para pemegang saham yang namanya terkandung di dalam Rekod Pendeposit pada 18 Jun 2013.

Seorang Pendeposit hanya layak menerima Dividen bagi:-

- (a) Saham-saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 18 Jun 2013 bagi pindahan biasa; dan
- (b) Saham-saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad dengan kelayakan menerima dividen menurut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

NOOR AZWAH BINTI SAMSUDIN (LS 0006071)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

Tarikh: 17 Mei 2013



CATATAN:

- 1) Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat yang tersebut di atas, berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya menjadi ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965, tidak akan digunapakai.
- 2) Jika seorang ahli Syarikat melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan ahli tersebut memaklumkan bahagian saham yang diwakili oleh setiap proksi.
- 3) Ahli Syarikat yang merupakan penama yang diberikuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk pelbagai pemilik benefisial di dalam satu akaun sekuriti (Akaun Omnibus) tidak dihadkan bilangan proksi yang boleh dilantik olehnya untuk setiap akaun omnibus yang dipegang.
- 4) Penama yang diberi kuasa yang dikecualikan merujuk kepada penama yang diberi kuasa sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA) dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A (1) SICDA.
- 5) Surat pelantikan proksi perlu dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh ahli yang melantik atau peguamnya yang diberi kuasa secara bertulis atau, jika ahli yang melantik adalah sebuah syarikat, sama ada dimeterai dengan Mohor Syarikat atau ditandatangani pegawai atau peguam syarikat yang telah diberi kuasa.
- 6) Surat pelantikan proksi perlu didepositkan ke Pendaftar, Tricor Investor Services Sdn Bhd, Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang telah ditetapkan untuk Mesyuarat tersebut diadakan.
- 7) Hanya pendeposit yang nama mereka terkandung dalam Rekod Pendeposit pada 5 Jun 2013 dianggap sebagai ahli dan layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat itu.

CATATAN KETERANGAN MENGENAI URUSAN KHAS:

Resolusi Biasa 7 - Cadangan Pembaharuan Mandat para Pemegang Saham dan Cadangan Baru Mandat para Pemegang Saham untuk urusniaga dengan Pihak Berkaitan yang Berulang yang Bersifat Pendapatan atau Perdagangan.

Catatan keterangan bagi Resolusi Biasa 7 dinyatakan dalam Pekeliling para Pemegang Saham yang bertarikh 17 Mei 2013.

Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan